

PENCERAIAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN SEBAB-SEBABNYA: SATU KAJIAN KES
DI MAHKAMAH SYARIAH
WILAYAH PERSEKUTUAN

OLEH:

HJ. WAN UTHMAN BIN HJ. WAN TAIB

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
1985 / 86



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PENCERAIAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN SEBAB SEBABNYA
SATU KAJIAN KES DI MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN

OLEH
Hj. Wan Uthman bin Hj Wan Taib

SESI
1985/1986

KURSUS DIPLOMA UNDANG UNDANG DAN
PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM
KULLIAH UNDANG UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA,
MALAYSIA

83288

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Segala puji bagi Allah, selawat dan salam keatas junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. Dengan Taufiq dan hidayat dari Allah Yang Maha Esa maka dapatlah penulis menyediakan kertas projek yang serba ringkas ini sebagai memenuhi syarat untuk mendapat Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam.

Ucapan terima kasih saya yang tidak terhingga kepada Universiti Islam Antarabangsa yang telah sedia menyahut kehendak Kerajaan untuk melaksanakan program kursus seperti ini, yang ulung kali diadakan dinegara kita Malaysia yang dikasihi ini. Ucapan penghargaan yang khusus saya tujuakan kepada sekalian yang bertanggungjawab dikuliah undang-undang serta tenaga pengajarnya yang bertungkus lumus memberi bimbingan, lebih-lebih lagi kepada yang berbahagia Tuan Profesor Madya Dr.Mahmud Saedon yang menjadi penyelia saya didalam penyediaan kertas projek ini.

Tidak lupa saya mengucapkan terima kasih kepada sekalian kakitangan Mahkamah Syariah, Pejabat Kadi Wilayah Persekutuan dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan di Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah memberi kerjasama dan kemudahan kepada saya untuk mengkaji rekod-rekod dan catatan-catatan yang ada didalam simpanan institusi-institusi tersebut.

Sekian. Wassalam.

PENDAHULUAN

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

الحمد لله رب العالمين ، والصلاة والسلام على أشرف الانبياء
والمرسلين ، سيدنا محمد وعلى اله ، واصحابه ، والتابعين
وتابع التابعين ، والتابعين لهم باحسان الى يوم الدين ، وبعد :

Kertas projek ini disediakan adalah bertujuan untuk memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh kuliah Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa bagi mendapat Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam.

Dalam usaha mendedahkan sedikit sebanyak rahsia, hukum dan hikmat perkahwinan serta perceraian, penulis telah membuat kajian dengan berpandukan kepada Quran dan Hadith serta kitab-kitab Fiqah kerangan Ulamak yang mu'tabar. Selain dari itu penulis juga telah membuat kajian berhubung dengan program-program dan perancangan-perancangan yang dibuat oleh Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syariah, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dengan tujuan untuk memahami dan mengenali lebih dekat tentang peranan yang dijalankan oleh Bahagian berkenaan didalam mengatasi masalah perceraian yang berlaku di Wilayah.

Dalam menghuraikan kertas projek ini penulis telah memberi penekanan berhubung dengan perkahwinan dan pembubarannya mengikut lunas-lunas Islam, Kajian kes-kes perceraian yang dibicarakan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, sebab-sebab berlakunya perceraian dan cara mengatasinya bagi mencari penyelesaian. Dengan

PENDAHULUAN

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

الحمد لله رب العالمين ، والصلاة والسلام على أشرف الانبياء
والمرسلين ، سيدنا محمد وعلى اله ، واصحابه ، والتابعين
وتابع التابعين ، والتابعين لهم باحسان الى يوم الدين ، وبعد :

Kertas projek ini disediakan adalah bertujuan untuk memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh kuliah Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa bagi mendapat Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam.

Dalam usaha mendedahkan sedikit sebanyak rahsia, hukum dan hikmat perkahwinan serta perceraian, penulis telah membuat kajian dengan berpandukan kepada Quran dan Hadith serta kitab-kitab Fiqah kerangan Ulamak yang mu'tabar. Selain dari itu penulis juga telah membuat kajian berhubung dengan program-program dan perancangan-perancangan yang dibuat oleh Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syariah, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dengan tujuan untuk memahami dan mengenali lebih dekat tentang peranan yang dijalankan oleh Bahagian berkenaan didalam mengatasi masalah perceraian yang berlaku di Wilayah.

Dalam menghuraikan kertas projek ini penulis telah memberi penekanan berhubung dengan perkahwinan dan pembubarannya mengikut lunas-lunas Islam, Kajian kes-kes perceraian yang dibicarakan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, sebab-sebab berlakunya perceraian dan cara mengatasinya bagi mencari penyelesaian. Dengan

cara sedemikian memudahkan kepada penulis membuat analisa berdasarkan kepada kajian yang diterangkan dalam bab-bab berikut:

Bab Pertama mengandungi dua bahagian iaitu Perkahwinan dan Perceraian yang mengandungi definisi atau pengertian, hukum dan hikmat mengikut pendapat-pendapat Fuqaha melalui kitab-kitab yang ma'tabar. Huraian mengenai perceraian/pembubaran perkahwinan adalah diterangkan melalui cara-cara berikut: Talaq, Fasakh, Khulu', Ila'a, Lia'an, Zihar, keputusan hakim dan persah ta'liq.

Bab kedua dinyatakan hal-hal yang berkaitan dengan kes perceraian yang telah dibicarakan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Dalam kajian yang dibuat, terdapat kebanyakan kes-kes yang dibicarakan adalah meliputi PERSAH TA'LIQ, tuntutan pembatalan perkahwinan melalui fasakh dan Khulu'. Dalam bab ini, dinyatakan lima kes yang telah disabit oleh Mahkamah Syariah sebagai contoh bagi keseluruhan kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, kerana menurut kajian penulis hampir semua kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah tersebut mengenai perceraian mempunyai persamaan dengan salah satu dari lima kes yang tersebut dari segi fakta, alasan hukuman, hukuman dan seksyen undang-undang yang dipakai.

Bab Ketiga dinyatakan faktor-faktor atau punca berlakunya perceraian di Wilayah Persekutuan. Kaji selidik untuk mengenal pasti punca berlakunya perceraian telah dibuat melalui penelitian terhadap laporan kerja di Bahagian Pentadbiran Hukum Syarak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Penekanan ditumpukan kepada Unit Perunding Keluarga di bahagian tersebut. Hasil daripada kaji

selidik itu adalah didapati bahawa berlakunya perceraian adalah disebabkan kecacatan pengetahuan Agama, pergaulan sosial yang bebas, kedudukan ekonomi dan campurtangan keluarga.

Bab Keempat dinyatakan langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan bagi mengatasi masalah perceraian dengan mengadakan aktiviti-aktiviti seperti kursus perkahwinan dan kekeluargaan mengikut pandangan Islam kepada muda mudi yang akan mendirikan rumahtangga dan yang baru mendirikan rumahtangga, di samping itu di bahagian Undang-Undang Syariah juga memberi perkhidmatan menolong dalam bentuk nasihat, rundingcara kepada keluarga yang bermasalah dengan tujuan untuk mencari penyelesaian secara damai serta mengikut lunas-lunas ke-Islaman dan tatacara yang berkaitan dengan undang-undang Pentadbiran Hukum Syara' yang dijalankan di Wilayah Persekutuan.

Semuga penulisan yang tidak seberapa ini dapat memberi munafaat kepada kita semua, Insya Allah.

	<u>ISI KANDUNGAN</u>	<u>Muka Surat</u>
Penghargaan	:	i
Pendahuluan	:	ii - iv
Isi Kandungan	:	v - viii

BAB PERTAMA:

Perkahwinan dan Pembubarannya dari
Kaca Mata Islam

1. Perkahwinan	:	1 - 2
Pengertian Nikah/Kahwin	:	2
<u>Hukumnya</u>	:	3
a. Pendapat Imam Malik	:	4
b. Pendapat Imam Abu Hanifah	:	4 - 5
c. Pendapat Imam Shafie	:	5 - 6
d. Pendapat Imam Hambali	:	6 - 7

Prinsip Perkahwinan

a. Perkahwinan adalah Fitrah Kemanusiaan	. 8 - 10
b. Perkahwinan adalah Kemuslihatan..... Masyarakat..... 11 - 15
c. Perkahwinan Berasaskan Ikhtiar dan Pilihan Yang Sempurna..... 15 - 23

2. Pembubaran Perkahwinan

Pendahuluan.

1. Talaq	:	26 - 35
i. Pengertiannya dari segi bahasa Arab		
ii. Dalil-Dalil Pensyariatan Talaq		
iii. Hikmatnya		
iv. Hukum Perceraian		
v. Talaq Sunni dan Talaq Side'i mengikut Mazhab Shafie		
vi. Menceraikan isteri dengan talaq tiga.		

	<u>Muka Surat</u>
2. Khulu' (Tebus Talaq).....	35 - 38
3. Fasakh.....	38 - 42
4. Ilaa'.....	42 - 45
5. Dzhihar.....	45 - 49
6. Lia'an.....	49 - 52
7. Keputusan Hakim.....	53 - 55
8. Cerai berta'liq.....	55 - 57

BAB KEDUA

Kajian Kes-Kes Perceraian di Mahkamah Syariah Jilayah Persekutuan.

1. Kes bil. 24/78 - Rahmah bt, Leman lwn. Hassan bin Puteh - Persah Ta'liq.....	59 - 62
2. Kes bil. 36/78 - Maimon bt.Abd.Karim lwn. Sharif b. Ghazali - Persah Ta'liq.....	63 - 71
3. Kes bil. 35/79 - Maznah bt.Dahlan lwn. Atan b. Long - Persah Ta'liq.....	72 - 81
4. Kes bil. 34/82 - Nor Aminah bt.Salleh lwn. Hassan bin Abdullah - Fasakh.....	82 - 95
5. Kes bil. 35/84 - Habsah bt.Nordin lwn. Ahmad bin Hamid - Persah.....	96 - 112

BAB KETIGA

Latar Belakang Penubuhan Wilayah Persekutuan Dan Sebab-Sebab Berlaku Perceraian Di Kalangan Penduduk Islamnya.

1. Latar Belakang Wilayah Persekutuan.....	113 - 123
a. Sejarah Penubuhan Wilayah Persekutuan	
b. Bilangan Penduduk Wilayah Persekutuan	
c. Size Penduduk dan Kumpulan Etnik	

Muka Surat

d. Penduduk Setingan	123 - 125
e. Penubuhan Pejabat Qadhi Wilayah Persekutuan.	125 - 129
2. Faktor-Faktor dan Sebab-Sebab Perceraian..	129 - 130
i. Tidak ada Kesedaran Keagamaan.....	130 - 132
ii. Ekonomi.....	132 - 133
iii. Pergaulan.....	133 - 137
iv. Campurtangan Keluarga.....	
v. Pendapat Ketua Unit Perunding Keluarga Tentang Sebab-Sebab Berlakunya Perceraian Di Wilayah Persekutuan.....	

BAB KEEMPAT

Langkah-langkah Untuk Mengatasi
Masalah Perceraian

Antara tindakan dan aktiviti-aktiviti yang
dijalankan adalah seperti berikut:-

i. Tidak terus menerima kenyataan cerai yang dilaporkan oleh perempuan.....	138 - 139
ii. Meminta persetujuan dari suami untuk menceraikan isterinya, sekiranya si- isteri meminta cerai.....	139 - 140
iii. Tidak segera mengambil tindakan fasakh atau persah ta'liq.....	141
iv. Berusaha menyelesaikan perselisihan Rumahtangga.....	141 + 142
v. Memberi nasihat kepada pasangan yang sudah bercerai.....	142
vi. Mengadakan siri kursus Perkahwinan dan kekeluargaan sepertimana yang dikehendaki oleh Islam.....	142 - 145

Muka Surat

vii. Kawalan Undang-Undang.....	145 - 147
viii. Penutup.....	147 - 148

BAHAN-BAHAN RUJUKAN.....	154 - 155.
--------------------------	------------

BAB PERTAMA
PERKAHWINAN DAN PEMBUBARNYA
DARI KACA MATA ISLAM

1. Perkahwinan

Perkahwinan adalah asas sesuatu keluarga yang berdasarkan kepada perjanjian "aqad" yang dipersetujui antara seorang lelaki sebagai suami dan seorang perempuan sebagai isteri. Perhubungan yang dilahirkan oleh perkahwinan itu adalah ibadat dan ianya adalah lebih tinggi nilainya dari setakat untu membolehkan mereka melakukan hubungan jasmani, (iaitu melepaskan nafsu yang semula jadi dengan kejadian manusia itu sendiri dan menyahut naluri, yang juga semula jadi, iaitu ingin mengekalkan zuriat) kerana seseorang itu apabila berkahwin, serentak dengan tujuan diatas, ianya juga telah menyahut perintah Allah dan mengikut sunnah Rasulullah Sallallahualaihi wasallam.

Firman Allah:-

فانكحوا ما طاب لكم من النساء مثنى وثلاث ورباع

Maksudnya:- "Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua tiga atau empat"(1)

Baginda bersabda:-

النكاح من سنتي فمن لم يعمل بينتي فليس مني وتزوجوا فاني مكاتركم الام
ومن كان ذا طول فليتكح ومن لم يجد فعليه بالصوم فان الصوم له وجاء

Hadith diriwayatkan oleh Aeshah dan Ibnu Majah (2)

yang bermaksud:- Perkahwinan itu adalah sunahku - cara hidup ku - barang siapa tidak mengikut sunnahku, maka ia bukanlah dari kalangan umatku, dan hendaklah kamu sekalian berkahwin kerana sesungguhnya aku (berbangga) dengan banyaknya bilangan kamu dihadapan umat-

(1) Surah An-Nisa: Ayat 3.

(2) Al Syaukani: Mohammad bin Ali bin Mohammad, Nilul Autar, Juzu' 6, Darul Jail, Beirut 1973, hal. 226.

Ummat (yang lain) dan barang siapa mempunyai keupayaan maka hendaklah ia berkahwin, dan barang siapa tidak mempunyainya maka hendaklah ia berpuasa kerana puasa boleh melemahkan nafsu (orang yang berpuasa)

Dalam satu hadith yang lain Baginda Sallallahu alaihi

wasallam bersabda:-

من كان موسرا فلم ينكح فليس منا

Lafaz hadith ini dari Mu'jam Al-Sahabah diriwayatkan oleh Abu Najbah, Al Baihaqidan dan Al Baghawi (1)

Yang bermaksud:- "Sesiapa yang mempunyai kesentangan (keupayaan) tetapi tidak berkahwin, maka dia bukanlah (dari kalangan) umat ku.

Dari kedua-dua hadith tersebut Rasulullah s.a.w. menyatakan bahawa keengganan berkahwin dikalangan orang yang mempunyai keupayaan dalam segala aspek samada moral dan kebendaan adalah dianggap sebagai bukan daripada kalangan umatnya.

Pengertian Nikah/Kahwin

Nikah atau kahwin dari segi bahasa ialah: kumpul dan bercantum, seperti bercantum pokok-pokok apabila ia condong atau miring sehingga bercantum diantara satu sama lain. Adapun pengertiannya dari segi syara' ialah; aqad (kontrak) yang mengandungi pengharusan persetubuhan dengan lafaz nikah atau ziwaj atau terjemahan (alih bahasa daripada perkataan nikah ziwaj) (2)

(1) Ibid Juzu' 6, h.227

(2) Al Shaikh Mohammad Al Sharbiri Al-Khatib, Mughinil Muhtaj Juzu' 3, Mustafa Al Babil Halabi, Mesir h.133.

Hukumnya

Syarak membahagikan hukum nikah kepada lima perkara:

(1) Wajib, (2) Haram, (3) Makruh, (4) Sunat, (5) Harus.

Berdasarkan kepada ayat Quran dan hadith-hadith yang tersebut diatas para Fukaha' telah berselisihan pendapat.

Mereka berlainan pendapat tentang adakah kalimah (فانكحوا) dari ayat Quran diatas bertujuan perintah supaya berkahwin atau tujuan untuk mengharuskan perkahwinan:

Mazhab Dzohiri berpendapat bahawa perintah (فانكحوا) ertinya kahwinlah kamu sekalian itu adalah bagi tujuan mewajibkan. Ini adalah mengikut hukum yang dzahir dari ayat itu yang disebut didalam bentuk perintah (amar), tiap-tiap perintah tentunya bagi tujuan mewajibkan.⁽¹⁾

"Jumhur (kebanyakan) ulamak berpendapat bahawa perintah berkahwin dari firman Allah (فانكحوا) itu ialah bagi tujuan mengharuskan sepertimana didalam firmanNya (كلوا من طيبات ما رزقناكم) maksudnya:- Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah kami berikan kepada kamu".⁽²⁾

Pendapat para Fuqaha' secara terperinci dalam hal ini adalah seperti berikut:-

-
- (1) Mohammad Ali Al Sabuni, Tafsir Ayatul Ahkam, Maktabatul Ghazali Juzu'1, Damascus, 1977, h.425.
 - (2) Ibid.

Hukumnya

Syarak membahagikan hukum nikah kepada lima perkara:

(1) Wajib, (2) Haram, (3) Makruh, (4) Sunat, (5) Harus.

Berdasarkan kepada ayat Quran dan hadith-hadith yang tersebut diatas para Fukaha' telah berselisihan pendapat.

Mereka berlainan pendapat tentang adakah kalimah (فانكحوا)

dari ayat Quran diatas bertujuan perintah supaya berkahwin atau tujuan untuk mengharuskan perkahwinan:

Mazhab Dzohiri berpendapat bahawa perintah (فانكحوا)

ertinya kahwinlah kamu sekalian itu adalah bagi tujuan mewajibkan.

Ini adalah mengikut hukum yang dzahir dari ayat itu yang disebut didalam bentuk perintah (amar), tiap-tiap perintah tentunya bagi tujuan mewajibkan. (1)

"Jumhur (kebanyakan) ulamak berpendapat bahawa perintah berkahwin dari firman Allah (فانكحوا) itu ialah bagi tujuan mengharuskan sepertimana didalam firmanNya (كلوا من طيبات ما رزقناكم) maksudnya:- Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah kami berikan kepada kamu". (2)

Pendapat para Fuqahaa' secara terperinci dalam hal ini adalah seperti berikut:-

-
- (1) Mohammad Ali Al Sabuni, Tafsir Ayatul Ahkam, Maktabatul Ghazali Juzu'1, Damascus, 1977, h.425.
 - (2) Ibid.
-

(a) Pendapat Imam Malik adalah seperti berikut:-

- i- Wajib keatas mereka yang mempunyai keinginan dan keupayaan berkahwin untuk menjauhkan diri nya dari berzina.
- ii- Haram bagi mereka yang tidak berupaya memberi nafkah dan lemah tenaga batin, tidak dapat menjima' atau nasetubuhi isterinya dan tentulah ianya tidak bimbang dari terjerumus kepada perzinaan.
- iii- Sunat bagi yang tidak mempunyai kecenderongan berkahwin tetapi ianya berhasrat untuk mempunyai keturunan/zuriat.
- iv- Makruh bagi mereka yang tidak mempunyai kecenderungan berkahwin dan ia juga meragui sekiranya ia berkahwin akan berlaku kecuaiian dalam menunaikan kebahagiaan dari tanggungjawabnya.
- v- Harus bagi mereka yang tidak mempunyai keinginan berkahwin dan tidak berhasrat mempunyai zuriat tetapi ia mempunyai keupayaan.⁽¹⁾

(b) Pendapat Imam Abu Hanifah:-

- i- Perkahwinan menjadi "Fardhu" dengan empat syarat:-
 - (a) Yakin akan berlaku zina sekiranya tidak berkahwin.
 - (b) Tidak upaya berpuasa yang boleh menahan dari berzina

(1) Abdul Rahman Al Jaziri; Kitabul Fiqhi Alal Mazahibul Arba'ah, Juzu'4, Ahyaut-Turathul Arabi, Beirut 1969, h.7.

(c) Tidak berupaya mendapat (amah) hamba sahaya yang boleh menjauhkannya dari berzina;

(d) Berupaya membayar maskahwin dan menanggung nafkah dari sumber yang halal.

- ii- Wajib, bukan fardhu bagi mereka yang mempunyai kemahuan dan keinginan yang amat sangat kepada pasangannya. Sekiranya ia tidak berkahwin tentu akan berlaku zina dan syarat-syarat yang empat di atas juga adalah perlu.
- iii- Sunat muakkad bagi yang mempunyai keinginan tetapi tidak bimbang berlaku zina sekira ia tidak berkahwin.
- iv- Haram sekiranya perkahwinan itu membawakan ia terpaksa melakukan kemunkaran seperti mencuri dan merampas harta orang lain.
- v- Makruh tahrim sekiranya ia meragui bahawa dengan perkahwinan akan berlaku kezaliman/kemungkaran.
- vi- Harus bagi mereka yang mempunyai keinginan tetapi tidak takut akan berlaku zina sekiranya tidak berkahwin, bahkan berkahwin sekadar hendak melepaskan nafsu. (1)

(c) Imam Syafie berpendapat:-

- i- Pada asalnya perkahwinan adalah harus, maka harus bagi yang ingin berkahwin untuk berseronok dan ber-sedap-sedapan. Jika dengan niat untuk memelihara diri dari berzina dan untuk mendapat zuriat ianya adalah menjadi sunat.

(1) Ibid.

- ii- Jajib sekiranya ia yakin bahawa perkahwinan dapat menjauhkannya daripada melakukan satu kemungkaran seperti perempuan yang bimbang dirinya akan terjerumus kelembah pelacuran.
- iii- Makruh, sekiranya seseorang itu meragui bahawa ia tidak akan dapat melaksanakan tanggungjawab perkahwinan, seperti perempuan yang tidak mempunyai keinginan berkahwin dan tidak bimbang akan berlaku zina. Begitu juga bagi lelaki yang tidak mempunyai keinginan berkahwin dan tidak mempunyai keupayaan membayar maskahwin dan nafkah. Tetapi sekiranya mempunyai perbelanjaan kahwin dan tidak ada halangan dari menghampiri isteri- adalah lebih afdhal baginya berkahwin, untuk memelihara dirinya dari terdorong oleh nafsu kepada perbuatan yang haram. Adapun sekiranya ia mempunyai keinginan berkahwin dan berupaya menanggung perbelanjaan maka sunat baginya berkahwin.⁽¹⁾

(d) Imam Hambali pula berpendapat:-

- i- Fardhu: keatas mereka, lelaki atau perempuan, yang takut akan berlaku zina. Dalam hal seperti ini tidak ada beza samada ia mempunyai keupayaan menanggung nafkah atau tidak. Apabila ia mampu berkahwin, untuk memelihara dirinya dari melakukan kemungkaran maka hendaklah ia berkahwin. Sesudah itu ia hendaklah mencari pekerjaan

(1) Ibnu Qudamah, Muwaffiquddin Abi Mohammad Abdullah bin Ahmad, Al Mughuni, Juzu' 7, Darul Kitabul Arabi, Beirut 1972, H.334.

dan berusaha untuk mendapat rezeki yang halal dengan bertawakal dan meminta pertolongan dari Allah Subhanahu wataala.

- ii- Haram: bagi mereka yang sedang berada didalam negara yang sedang menghadapi peperangan. Walau bagaimana pun, didalam keadaan yang sangat-sangat perlu mereka diharuskan juga berkahwin. Tetapi bagi mereka yang berada didalam tahanan, maka tidak harus sama sekali bagi mereka berkahwin.
- iii- Sunat: bagi mereka yang mempunyai keinginan - lelaki atau perempuan tidak pula bimbang akan berlaku zina sekiranya tidak berkahwin. Dalam keadaan seperti ini adalah afdhal baginya berkahwin bagi memelihara dirinya dan isteri, juga untuk mendapat zuriat yang boleh membanyakkan bilangan anggota masyarakat Islam, yang dapat memberi sumbangan tenaga yang berguna dalam pembangunan masyarakat.
- iv- Harus: bagi mereka yang tidak mempunyai keinginan berkahwin, kerana umur tua atau tidak ada kemampuan batin, dengan syarat tidak berlaku kemudharatan kepada isteri dan tidak pula membawakan kepada kerusakan akhlaknya. Tetapi sekiranya dipercayai akan berlaku kemudharatan dan kerusakan akhlak isteri maka adalah menjadi haram baginya berkahwin.⁽¹⁾

(1) Kitabul Fiqhi Alal Mazahibul Arba'ah Juz 4, h.7

Prinsip Perkahwinan

Untuk menyempurnakan sesuatu perkahwinan ianya hendaklah berasaskan kepada tiga faktor berikut:-

a. Perkahwinan adalah Fitrah kemanusiaan:

Jelas dari perinsip-perinsip Syariah Islamiah bahawa Syariat itu sendiri memerangi (الرهبانية) tabiat pengabdian diri kepada amal ibadat dengan bertapa dan memulaukan kesemua jenis bentuk kecergasan koduniaan, kerana perbuatan seperti itu adalah bercanggah dengan "fitrah" tabiat semula jadi manusia, serta bercanggah dengan kecenderungan, keinginan dan nalurinya.

Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam bersabda:

من كان موسرا لأن ينكح ثم لم ينكح فليس مني

Hadith dari riwayat Al Tabarani dan Al Baihagi (1)

yang bermaksud:- "Sesiapa yang mempunyai kaupayaan untuk berkahwin, tetapi ia tidak mahu berkahwin, maka ia bukanlah dari kalangan umatku".

Hadith dari riwayat Al Tabarani dari Saad Ibni Waqqas

Radhiallahu Anhu, Rasulullah bersabda:

ان الله ابد لنا بالرهبانية الحنيفة السمحة

Yang bermaksud:- Sesungguhnya Allah Taala telah menukarkan (الرهبانية) pengabdian diri untuk ibadat dengan menjauhkan diri dari kegiatan - duniawi kepada kami dengan Agama Islam yang Mulia "(2)

-
- (1) Abdullah Nasih Elwan, Tarbiatul Aulad Fil Islam, Juzu'1, Darus-Salam Linnsyri Wat-Tauzie, Beirut 1971, h.26.
- (2) Al Sayed Sabiq, Fiqhus Sunnah, Juzu'2, Darul Kitabul Arabi, Beirut 1973, h.16.

Dari hadith-hadith yang diatas dan yang lainnya, maka jelas lah bagi kita bahawa syariat Islamiah melarang seseorang Islam dari menjauhkan diri dari berkahwin dengan niat melapangkan diri untuk semata-mata, beribadat kepada Allah. Lebih-lebih lagi seseorang muslim yang mempunyai keupayaan dan kemudahan untuk berkahwin. Sekiranya kita merenungi dan meneliti pendirian Rasulullah didalam mengawasi setiap anggota masyarakat, dan membentuk serta mengubati jiwa dan perasaan kemanusiaan, kita akan bertambah yakin bahawa pengawasan dan pembentukkan tersebut adalah berasaskan diatas kefahaman tentang haqiqat kemanusiaan itu sendiri dengan bertujuan untuk menyahut naluri, kemahuan dan keinginannya, tanpa melampaui sebarang batasan peribadi masyarakat dan batasan fitrahnya. Tidak pula melakukan perkara-perkara yang terkeluar dari keupayaannya, bahkan berjalan mengikut jalan yang lurus.⁽¹⁾ Sehubungan dengan ini, didalam sebuah hadith yang lain, Rasulullah telah menunjukkan kepada kita contoh-contoh yang penting dan unggul pada pendirian Baginda didalam mendidiki, dan mengubati tabiat-tabiati yang negetif serta memahami haqiqat kemanusiaan itu sendiri. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:-

جا ثلاثة رهط الى بيوت ازواج النبي صلى الله عليه وسلم، يسألون عن عبادته فلما أخبروا كأنهم تقالوها (وجدوها قليلة) فقالوا: اين نحن من النبي صلى الله عليه وسلم، قد غفرله ما تقدم من ذنبه وما تأخره، قال احد هم: أما انافاني أصلي الليل ابداء، وقال آخر: انا أصوم الدهر ولا أفطره، وقال آخر: انا أعتزل النساء فلا أتزوج ابداء، فجاء رسول الله صلى الله عليه وسلم فقال: أنتم الذين قلتُم كذا وكذا؟ أما والله أني لأخشاكم الله وأتقاكم، لكني أصوم وأفطره، وأصلي وأرقد، وأتزوج النساء، فمن رغب عن سنتي فليس مني .

(1) Ibid.

Diriwayatkan oleh: Al Bakhari dan Muslim dari Anas,

Radhiallahu Anhu yang bermaksud:-

Telah datang tiga kumpulan (sahabat) kerumah isteri-isteri Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, mereka bertanya tentang ibadat (yang dilakukan oleh) Baginda. Maka apabila mereka diberitahu (oleh isteri-isteri Baginda tentang ibadat yang dilakukannya) mereka seolah-olah memperkecilkan ibadat baginda itu (mereka mendapati ibadat Baginda itu adalah sedikit), lalu mereka berkata: dimanakah (taraf) kita dari (dibandingkan dengan taraf) Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, sesungguhnya Baginda telah diampunkan segala dosa yang terdahulu dan yang terkemudian, salah seorang dari mereka berkata, adapun aku maka sesungguhnya aku akan sembahyang (sepanjang waktu) malam buat selama-lamanya, dan berkata seorang lagi, aku akan puasa dan tidak akan makan (waktu siang hari) buat selama-lamanya, dan berkata seorang yang lain pula: Aku akan menjauhi diri dari perempuan dan tidak akan berkahwin buat selama-lamanya. Maka tibalah Rasulullah lalu bersabda: Adakah kamu berkata demikian dan demikian? Adapun aku, demi Allah, sesungguhnya aku adalah orang paling takut diantara kamu kepada Allah, dan yang taqwa diantara kamu kepadanya. Tetapi aku kadang-kadang berpuasa dan kadang-kadang aku makan disiang hari, aku sembahyang dan aku tidur, dan aku mengahwini perempuan maka barang siapa menolak dari (mengikuti) sunnahku (cara hidupku) maka dia bukanlah dari kalangan umat ku.(1)

Maka dari nas-nas yang tersebut diatas adalah menjadi jelas dan nyata bagi mereka yang mempunyai aqal dan fikiran, juga bagi mereka

(1) Al Buhari, Abu Abdullah Mohammad bin Ismail,

Sahihul Buhari, Darul Fikri, Juzu'6, Beirut 1981, h.116.

yang mahu memahami bahawa " Sesungguhnya perkahwinan mengikut kacamata Islam ialah "Fitrah Insaniah". Adalah menjadi kewajipan bagi setiap muslim, yang mempunyai perasaan tanggungjawab yang besar, menanggung amanah diatas dirinya melatih dan mendidik. (1)

b- Perkahwinan Adalah Kemaslihatan Masyarakat

Dari perkahwinan yang sempurna sebagaimana yang dituntut oleh Agama, akan diperolehi beberapa faedah umum dan kemaslihatan kepada masyarakat yang ada hubungan dengan pendidikan manusia sejagat diantaranya:-

- i. Untuk memelihara dan meneruskan pangsakalan zuriat manusia; dengan adanya perkahwinan maka kewujudan keturunan manusia akan terus kekal berkembang dan terus berlaku proses penitihan, sehingga sampai ketika mana Allah akan mewarisi bumi dan mereka yang ada diatasnya. Adalah tidak tersunyi juga bahawa pembiakan penitihan ini adalah sebahagian dari proses pangsakalan jenis manusia, dan sebahagian dari galakan bagi pehak ikhtisas yang tertentu untuk mengadakan minhaj (peraturan) dan qaidah-qaidah yang betul bagi tujuan memelihara keselamatan jenis manusia dari segi akhlak, moral yang sekali gus meliputi dari segi keselamatan jasmani. Al Qurannulkarim telah

(1) Op-Cit, Juzu'1, hal 29.

membayangkan hikmat perkahwinan dari segi kemasyarakatan dan kesuslihatan kemanusiaan Allah berfirman:-

(1) **والله جعل لكم من انفسكم أزواجاً، وجعل لكم بنين وحفدة**

Yang bermaksud:- Dan Allah menjadikan bagi kamu dari diri kamu sendiri pasangan-pasangan (isteri), dan dijadikan bagi kamu dari pasangan kamu anak-anak dan cucu cicit.

Firman Allah:-

يا أيها الناس اتقوا ربكم الذي خلقكم من نفس واحدة،

(2) **وخلق منها زوجها، وبث منهما رجالاً كثيراً ونساءً -**

yang bermaksud:- Wahai sekalian manusia ! bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isteri-Hawa), dan juga membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan-lelaki dan perempuan yang ramai.

- ii. Untuk memelihara Nasab/Keturunan. Dengan adanya perkahwinan yang disyariatkan oleh Allah bagi hamba nya itu, maka anak-anak dapat berbangga dengan keturunan ibu bapa masing-masing, yang boleh membawakan kepada ketenangan jiwa dan menikmati kemuliaan kemanusiaan kepada mereka. Sekiranya tiada perkahwinan yang disyariatkan Allah ini maka masyarakat akan dipenuhi dengan anak-anak yang tidak mempunyai kehormatan dan titihan. Pada ketika itu masyarakat akan ketandusan dari akhlak yang tinggi dan perangai yang mulia, maka masyarakat akan diselubungi oleh wabak keruntuhan moral dan huru hara yang amat menggerunkan. (3)

(1) Surah Al Nahl: Ayat 72.

(2) Surah Al Nisa', Ayat 1

(3) Tarbiatul Aulad Fil Islam, Juzu'1, hal.30.